

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA	 TARIKH: 28 OGOS 2023 www.agrobank.com.my
-------------------------	---

**TIADA YANG LAMA, TIADALAH YANG BAHARU –
AGROBANK BANGGA SAHUT SEMANGAT KEMERDEKAAN
BERSAMA 30 BUAH KERETA ANTIK**

KUALA LUMPUR, 28 OGOS 2023 – Hari ini telah berlangsungnya upacara *flag off* sebagai merasmikan acara perarakan kontinjen Kereta Antik Agrobank yang bakal berlangsung pada 31 Ogos 2023 di Dataran Putrajaya.

Majlis ini yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, turut disaksikan oleh Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif dan seluruh barisan pengurusan tertinggi Agrobank. Bertempat di perkarangan Menara Ibu Pejabat Agrobank Kuala Lumpur, upacara *flag off* yang bertemakan kenderaan kereta antik ini adalah simbolik terhadap komitmen Agrobank dalam menyemarakkan semangat kemerdekaan dengan menyingkap sejarah 66 tahun yang lalu.

Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, "Agrobank dengan penuh bangga, sekali lagi akan menyertai perarakan dan perbarisan Hari Kebangsaan 2023 di Dataran Putrajaya dengan menampilkan 30 buah kenderaan klasik iaitu kereta antik dari pelbagai model. Agrobank merupakan salah satu daripada 65 buah kontinjen yang terlibat menyertai perarakan kali ini. Dengan mengangkat tema 'Wajah Kita Harapan Negara', seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Agrobank yang akan memperagakan pakaian kebangsaan berbilang kaum dan bangsa di Malaysia seperti kaum Iban, kaum Melayu Kelantan, Pahang, Selangor, kaum India dan Cina. Ini merupakan simbolik terhadap kerukunan dan kepelbagaian kaum yang terdapat dalam negara kita."

Beliau turut berkata, "tiada lama, tiadalah yang baharu, mungkin ungkapan ini kedengaran klishe, tapi ia sememangnya merupakan satu hakikat dalam kehidupan. Perarakan kereta antik ini adalah simbolik terhadap perarakan rintis penuh bersejarah, iaitu Pengisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka."

Turut diadakan pada hari ini ialah pelancaran Kad Takaful Kasih Plus Edisi Merdeka Agrobank. Bermula 1 Ogos hingga 16 September 2023, kad edisi istimewa ini dilancarkan dengan menampilkan pelan perlindungan kemalangan diri bersama manfaat kematian akibat kemalangan, perbelanjaan pengebumian, hilang upaya kekal, perbelanjaan perubatan dan elaun hospital. Dengan bayaran sumbangan takaful serendah RM0.03 sehari, pelan perlindungan 24 jam seluruh dunia ini merangkumi kemalangan menyeluruh sehingga RM306,000.00.

Sepanjang bulan kemerdekaan ini, Agrobank juga telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bertemakan kemerdekaan, khusus buat para pelanggan Agrobank yang dihargai. Antaranya *Campaign Snap & Win* Merdeka Agrobank 2023, sebuah kempen yang menganjurkan pertandingan mengambil foto yang menarik bertemakan kemerdekaan 2023 dan perarakan Hari Kebangsaan 31 Ogos kelak. Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah 'likes' tertinggi, gambar dan kapsyen yang menarik dan beberapa lagi syarat yang ditetapkan. Tarikh penyertaan bermula 31 Ogos hingga 7 September 2023. Penjurian akan dijalankan pada 11 September, manakala tarikh 16 September 2023 merupakan hari penyampaian hadiah, seiring dengan sambutan Hari Malaysia.

Juga diadakan Minggu Tema Merdeka I dan Kuiz Online, Minggu Tema Merdeka II dan Teka Silang Kata, Tayangan Filem Patriotik, Pertandingan Foto, Kejohanan Sepak Takraw Merdeka, Piala Perpaduan Badminton Agrobank, Ekspedisi *Hiking* ke Gunung Ulu Sepat anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi Agrobank.

Para *Agrobankers* juga tidak ketinggalan meraikan sambutan bulan kemerdekaan kali ini dengan membariskan hampir 100 orang warga kerjanya melibatkan diri sebagai Sukarelawan Perarakan sempena Hari Kebangsaan di Dataran Putrajaya.

###

MENGENAI AGROBANK

Agrobank adalah peneraju dalam pembiayaan pertanian dan perbankan berasaskan nilai (VBI)* di Malaysia. Ditubuhkan pada 1969, Agrobank terlibat secara aktif mencatatkan pertumbuhan dan pembangunan industri pertanian di Malaysia dengan menawarkan produk dan solusi kewangan yang patuh syariah merentasi pelbagai segmen pelanggan termasuk pelanggan korporat, komersial, konsumen, pembiayaan perdagangan dan pembiayaan mikro. Agrobank merupakan sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya sejak 1 Julai 2015.

Sebagai sebuah IKP (Institusi Kewangan Pembangunan) yang berorientasikan pelanggan, fokus utama Agrobank adalah untuk mengukuhkan sektor pertanian. Justeru itu, Agrobank beriltizam untuk bergerak seimbang dalam melaksanakan peranan pembangunan dan komersialnya bagi memanfaatkan sektor pertanian. Agrobank menyediakan solusi pembiayaan yang menyeluruh untuk komuniti pertanian; merangkumi aktiviti hulu seperti bekalan input pengeluaran pertanian dan untuk aktiviti hiliran seperti pemprosesan, pemasaran dan jualan produk pertanian kepada pengguna.

Agrobank juga menawarkan penyelesaian pembiayaan perbankan runcit untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti-pertanian. Ini dilaksanakan menerusi 207 rangkaianannya yang merangkumi 140 cawangan dan 67 rangkaian perbankan yang lain. Pada tahun 2019, Agrobank meraikan ulang tahun Jubli Emas menandakan 50 tahun penubuhannya membangunkan industri agro.

www.agrobank.com.my

**VBI atau perantaraan berasaskan nilai merupakan satu inisiatif daripada Bank Negara Malaysia (BNM) yang bertujuan untuk menambah nilai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam bagi menggalakkan keusahawanan, kesejahteraan komuniti, kelestarian alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi tanpa mengabaikan pulangan kepada para pemegang saham.*

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Nur Akmal Fardiana Dollah

Ketua Seksyen Perhubungan Awam, Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank
03-2731 1660 / +6019-663 9262 | akmalfardiana.dollah@agrobank.com.my

Fatin Shaheera Mohd Rosli

Eksekutif Kanan, Seksyen Perhubungan Awam, Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank
03-2731 1653 / +6019-609 6522 | fatin.rosli@agrobank.com.my

Syamin Na Illah Shamsul Azhar

Eksekutif, Seksyen Perhubungan Awam, Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank
03-2731 1653 / +6019-609 6522 | syamin.azhar@agrobank.com.my

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Agrobank